

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 JANUARI 2024
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 26

Ambil kira kemampuan majikan

Kuala Selangor

Kerajaan tidak akan semenging-wenangnya mewajibkan pelaksanaan Dasar Gaji Progresif, sebaliknya akan mengambil kira kemampuan majikan dan keadaan semasa ekonomi negara," kata Menteri Ekonomi Rafizi Ramli.

Beliau berkata, hal itu disebabkan pelaksanaan dasar berkenaan dibuat secara sukarela serta membaitkan insentif daripada kerajaan.

"Kita tidak boleh nak mewajibkan sewenang-wenangnya, macam perintah gaji minimum kerana perlu ambil kira juga kemampuan syarikat, majikan dan ekonomi (negara). Majikan terbesar dalam negara ini sebenarnya ialah perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dengan 97 peratus daripada entiti perniagaan negara.

"Kalau kita wajibkan, (mungkin) ada (majikan) yang akan gulung tikar, ada yang akan hilang pekerjaan, kita perlu seimbang. Sebab itu pendekatannya ialah kita mengambil kira kemampuan majikan dan mesti melibatkan insentif daripada kerajaan serta secara sukarela," katanya selepas merasmikan Majlis Penyerahan Geran di bawah program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dan Sesi Townhall bersama Keppimpinan Mahasiswa Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Selangor di UiTM Puncak Alam di sini, baru-baru ini.

Menurut Rafizi, kementeriannya dan Kementerian Sumber Manusia hanya memberi tumpuan kepada gaji sektor swasta, manakala berkaitan kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) diuruskan



ORANG ramai memilih pelbagai menu makanan tengah hari yang disediakan Restoran Singgang Budu ketika tinjauan di Tanjung Kapur, Kuala Terengganu, semalam.

DASAR GAJI PROGRESIF

AMBIL KIRA KEMAMPUAN MAJIKAN

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Dasar Gaji Progresif itu agak berbezra cabarannya, ia bukan semata-mata soal wang, tetapi juga bagaimana kita (kerajaan) mahu yakinkan majikan supaya bersama-sama menaikkan gaji secara berperingkat.

"Bagi SSPA, kerajaan ke-

na pastikan bahawa sumber kewangan itu cukup mampan dan perkara itu sedang diurus oleh Perdana Menteri," katanya.

Terdahulu, Rafizi menerusi kepentingannya

menyerahkan geran berjumlah RM6,961,500 kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar

UiTM bagi menjalankan dua projek iaitu pelaksanaan pemetaan dan pemerataan

PMKS adalah majikan terbesar di dalam negara

program IPR serta pengurusan kursus literasi kewangan peserta IPR yang dikendalikan oleh UiTM Cawangan Selangor.

Pelaksanaan pemetaan dan pemantauan program IPR itu ialah bantuan kemiskinan yang bertujuan merangka tindakan bersesuaian bagi meningkatkan pendapatan peserta supaya melepassi garis kemiskinan yang melibatkan hampir 1,400 ketua isi rumah di empat negeri.

Penganjuran kursus literasi kewangan peserta program IPR pula bertujuan memberikan pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan supaya mereka berupaya meruskan kelangsungan demi menjamin kemapanan aktiviti ekonomi yang dicebur. - Bernama